



KENYATAAN MEDIA

INDUSTRI IKAN TUNA MAMPU MERANCAKKAN INDUSTRI PERIKANAN NEGARA

1. Negeri Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang kecil yang mempunyai bilangan penduduk dengan anggaran seramai 1.6 juta orang amatlah signifikan terhadap industri perikanan.
2. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah merekodkan negeri Pulau Pinang mampu mengeluarkan lebih **77,000 tan metrik** hasil perikanan yang dianggarkan bernilai **RM1.45 bilion setahun**.
3. Hasil perikanan ini merupakan antara penyumbang terbesar dalam pengeluaran akuakultur sebanyak **29,026 tan metrik** yang bernilai **RM600 juta** dan mampu bersaing dengan pendaratan ikan marin yang mampu mengeluarkan hasil ikan sebanyak **48,361 tan metrik** yang bernilai **RM850 juta**.
4. DOF juga amat komited dalam memajukan industri tuna di Pulau Pinang kerana ianya berpotensi dibangunkan sebagai sumber kekayaan baharu.
5. Pada tahun 2016, Jabatan Perikanan Malaysia telah mengeluarkan dua buah pelabuhan di Malaysia yang dijadikan sebagai pelabuhan pendaratan tuna oleh vesel-vesel yang beroperasi di Lautan Hindi iaitu Pelabuhan Pulau Pinang (Dermaga Ayer Dalam) dan Pelabuhan Langkawi.
6. Sehingga tahun 2019, sebanyak 17 buah vesel penangkapan ikan tuna dan sebuah vesel carrier tuna telah dilesenkan dan beroperasi di Lautan Hindi dengan hasil tangkapan sebanyak **2,760.60 tan metrik** (data awalan) dengan nilai anggaran **RM 35 Juta**.
7. Daripada jumlah tersebut, Pendaratan tuna di Pelabuhan Pulau Pinang (Penang Port) telah mencatatkan jumlah pendaratan sebanyak **1,563.83 tan metrik** dengan nilai anggaran **RM 25 juta**.
8. Pendaratan tuna di Malaysia secara keseluruhan merangkumi tangkapan ikan tuna seperti ikan tuna neritik, tuna oseanik dan tuna like species. Pada tahun 2019, sebanyak **101,627.32 tan metrik** (data awalan) tuna didaratkan dengan nilai anggaran **RM900 juta**.

9. Negeri Pulau Pinang mempunyai seramai **4,974 orang nelayan** secara keseluruhan yang mencatatkan Zon A seramai 4,325 orang, Zon B seramai 435 orang, Zon C seramai 84 orang dan Zon C2/C3 seramai 130 orang.
10. Manakala sebanyak **2,879 vesel** telah didaftarkan bagi perikanan tangkapan yang merekodkan Zon A sebanyak 2,741 vesel, Zon B sebanyak 107 vesel, Zon C sebanyak 12 vesel dan Zon C2/C3 sebanyak 19 vesel.
11. Selain aktiviti penangkapan ikan oleh nelayan, Pulau Pinang juga mempunyai seramai **532 orang penternak akuakultur** dengan keluasan lebih daripada **1,500 hektar** kawasan melibatkan ternakan air tawar (40 Ha) dan air payau (1,498 Ha).
12. Pulau Pinang juga mempunyai Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) di Batu Maung yang menjalankan penyelidikan di dalam semua aspek sumber perikanan dan ekologi kedua-dua sub sektor perikanan tangkapan dan juga akuakultur.

Sekian.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

18 Jun 2020 (Khamis) jam 10:00 pagi

Sebarang pertanyaan sila hubungi:-

No. Tel : 012-664 9570 (Aqilah)

Email : pro@dof.gov.my